

# PMM lancar program indah tasik, perhebat penghijauan Malaysia

**POLITEKNIK Merlimau Melaka (PMM)** menerusi Jawatankuasa Green Technology PMM mengadakan Program Penghijauan Malaysia 100 juta Pokok 2021-2025: PMM Prihatin yang berlangsung di sekitar Tasik PMM.

Pengarah PMM, Norizam Sekak berkata, program yang berimpak tinggi itu disokong dengan penglibatan agensi kerajaan antaranya Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

"Antara sumbangan agensi ini seperti pemberian pokok, sumbangan dana dan lain-lain bagi menjayakan agenda negara 100 juta pokok sehingga 2025," katanya.

Program tersebut dirasmikan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah.

■ NORIZAM Sekak (dua dari kanan) dan Abu Bakar Md. Diah (dua dari kiri) memegang logo Penghijauan PMM selepas gimik penanaman pokok bertempat di Tasik Politeknik Merlimau.

